

### Empat Fasal Penting Asas Perdamaian Di Antara Malaysia dan Indonesia.

Pertama: Kerajaan Malaysia telah bersetuju memberi kesempatan kepada rakyat Sabah dan Sarawak menentukan semula kedudukan mereka dalam gagasan Malaysia menerusi satu pemilihan umum yang bebas dan demokratik.

Kedua: Pemerintah Indonesia dan kerajaan Malaysia telah bersetuju memulihkan perhubungan diplomatik di antara kedua buah negara itu dengan secepat mungkin yang kemudiannya segera disusuli dengan penubuhan-penubuhan perwakilan diplomatik masing-masing.

Ketiga: Kedua buah kerajaan itu juga bersetuju menghentikan dasar permusuhan di antara satu sama lainnya.

Keempat: Perjanjian ini berjalan kuatkuasanya dari tarikh perjanjian itu ditandatangani oleh kedua belah pihak.

[Perjanjian tersebut adalah hasil dari rundingan-rundingan di antara Tuan Adam Malik dengan Tun Razak di Bangkok awal bulan Jun yang lalu dan telah disahkan dengan rasminya di Jakarta pada 11 Ogos 1966 yang lalu oleh kedua-dua kerajaan.]

Kalau kita fikirkan sebagai umat Islam bahawa ikatan darah tidaklah sebegitu kuat dan sebegitu penting, tetapi ikatan yang lebih teguh dan ikatan yang lebih penting di dalam segi perjuangan yang kita hadapi ialah ikatan akidah, ikatan kepercayaan dan ikatan mentauhidkan Allah. Inilah ikatan-ikatan yang telah menegakkan umat Islam seluruhnya dan inilah juga ikatan, dan perasaan yang telah mendorong kebanyakan daripada umat Indonesia berjuang terus-terusan untuk menegakkan kalimah Allah di tanah air mereka dan daripada dorongan iman dan akidah itulah umat Islam bersama-sama dengan sedarah sedagingnya berjuang melepaskan Indonesia daripada kecaman-kecaman penjajah Komunis yang akan menjajah dan menakluk Indoneisa yang akan menakluk juga akidah dan bertauhid kepada Allah Subhānahu wa Ta'ālā iaitu Indonesia akan dikomunikasikan mereka.

Al-Hamdulīlāh dengan takdir Allah dapatlah

sekarang bersama-sama di antara Indonesia dan Malaysia, di dalam sefahaman, sepengertian memandang bahawa musuh bersama itu ialah musuh Tuhan iaitu musuh yang akan meniadakan Tuhan dan kerana itu diharap dan dicita-citakan semoga persatuan dan lambang persatuan keduanya akan berjalan terus dan akan bekerjasama untuk meruntuhkan fahaman-fahaman yang menentang adanya Tuhan dan akan mengikat satu kalimah yang akan besar yang diharap oleh seluruh umat Islam persatuan beberapa puluh orang sahaja, tetapi Islam yang teguh dan erat di antara Indonesia dan Malaysia untuk menegakkan kalimah Allah.

Inilah harapan-harapan, inilah cita-cita dan inilah tujuan-tujuan umat Islam hidup berbakti dan bertakwa kepada Allah dan inilah yang ada tersemat di dalam hati tiap-tiap umat Islam. Tidak dapat seorang pemimpin pun walau sekalipun sujud kepada Allah akan menyembunyikan perasaan ini daripada

wajahnya tatkala melihat segala kejadian-kejadian yang merungsingkan. Mereka tak dapat tiada akan berbalik, akan berpusing semula mengadap Allah semoga dengan pertolongan Allah akan jayalah segala tujuan dan cita-cita serta segala maksud dan harapan semoga kesejahteraan, keamanan, kemakmuran dan tertegaklah kedaulatan di antara dua sebangsa yang serumpun sedarah sedaging yang tidak dapat dipecah-pecahkan atau tidak dapat dipisah-pisahkan dengan apa jua sekalipun.

---

Kadang usaha perjuangan itu lebih lanjut daripada usia seorang manusia yang berjuang. — (Adolf Hitler).

\* \* \*

Berkorban ialah sebenar-benar tujuan hidup dan suatu kesukaan yang sejati bagi setiap manusia yang insaf. — (Mahatma Gandhi).